

Penderaan Kanak-kanak

Penganiayaan kanak-kanak bermaksud dera ataupun satu perbuatan zalim yang dilakukan kepada golongan kanak-kanak dengan tujuan mencederakan. Ini termasuk penderaan kepada bayi yang mampu menyebabkan sindrom mengoncang bayi. Penderaan kanak-kanak secara fizikal merupakan sesuatu yang kejam yang dilakukan oleh seseorang dewasa dengan tujuan menyakiti kanak-kanak agar kanak-kanak tersebut patuh, atau pendera tersebut mengalami masalah mental, ataupun disebabkan bagi memuaskan diri mereka secara psikologi.

PADA masa kini terdapat peningkatan mengenai mangsa dera akibat terdapat mangsa dera yang meninggal. Belum dapat dipastikan samada peningkatan jumlah ini adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah kes penderaan kanak-kanak atau akibat meningkatnya kesedaran yang lebih mendalam mengenai penderaan kanak-kanak. Sebagai contoh, adakah kanak-kanak yang mati akibat kes penderaan pada masa dahulu tidak pernah berlaku, ataupun kes kematian itu gagal dikesan disebabkan mereka yang mengendalikannya mayat kanak-kanak tersebut tidak menyalat kesan pada mayat disebabkan jahil mengenai kes penderaan kanak-kanak. Penderaan kanak-kanak adalah masalah perubahan dan sosial di seluruh dunia. Penderaan kanak-kanak berlaku dalam pelbagai bentuk. Bentuk penderaan yang paling lazim dilaporkan kepada profesion perubatan adalah penderaan fizikal dan seksual.

Punca Kezaliman Terhadap Kanak-kanak

*Penderaan sering berlaku apabila ibu bapa kurang mendapat sokongan sosial seperti mempunyai pendapatan dan pendidikan rendah, apabila suasana persekitaran adalah tidak stabil, apabila ibu merupakan penjaga tunggal, juga apabila tidak adanya tempat penjagaan anak.

*Apabila ibu bapa yang pendera "abusive" gagal menggunakan pertimbangan (reasoning) mereka, maka anak-anak tidak dapat menerima "meresapkan" segala peraturan dan undang-undang kerana pertimbangan adalah cara terbaik untuk mengajar sesuatu. Akibatnya anak itu menjadi lebih agresif dan menentang. *Selalunya anak lelaki menjadi mangsa deraan, mungkin kerana anak lelaki dianggap lebih tahan daripada anak perempuan bagi ibu bapa melepaskan kekecewaan mereka.

Kesan daripada penderaan fizikal biasanya mengakibatkan mangsa sukar untuk mempercayai orang dewasa, menjalin persahabatan yang tidak mendalam, dan sering meninggalkan kawan baru jika ia merasakan bahawa ia tidak diterima. Di sekolah pula, mereka merupakan pelajar lemah, kesepian dan tidak mempunyai kawan.

Penderaan Seksual Terhadap Kanak-kanak

Penderaan seksual kanak-kanak merupakan salah satu daripada penderaan kanak-kanak, dan merujuk kepada sebarang perlakuan individu yang memaksa, memperdaya atau mengugut kanak-kanak

yang mendorong berlakunya hubungan seksual dengan mereka, semata-mata untuk memuaskan nafsu seksual.

Penderaan seksual kanak-kanak merujuk kepada penderaan seksual seorang kanak-kanak bawah umur oleh dewasa, atau seseorang yang jauh lebih tua atau dalam kedudukan berkuasa atau mengawal kanak-kanak, di mana kanak-kanak digunakan, sebagai stimulasi seksual bagi orang tersebut atau orang lain.

Kajian berkenaan kesan penderaan seksual kanak-kanak seringkali ditakrifkan sebagai termasuk mengajak atau meminta sebagai tambahan kepada tindakan sebenar, berkaitan dengan sebarang interaksi seksual antara orang dewasa dan kanak-kanak, termasuk dari bercium atau memeluk sehingga kepada hubungan intim, dan semua aktiviti yang berkaitan.

Menurut undang-undang (US), "penderaan seksual kanak-kanak" adalah istilah menyeluruh menggambarkan kesalahan jenayah dan sivil di mana seseorang dewasa terbabit dalam aktiviti seksual dengan kanak-kanak bawah umur atau mempergunakan kanak-kanak bawah umur bagi tujuan memuaskan nafsu seksual.

Penderaan seksual kanak-kanak mampu menyebabkan kecederaan fizikal kepada kanak-kanak dan kedua-dua kecederaan psikologikal dan emosi bagi jangka pendek dan jangka panjang, termasuk kemurungan klinikal, kecacatan tekanan post trauma, kerisauan, kecenderungan bagi menjadi pemangsa apabila dewasa, dan simptom lain.

Professor Sosiologi David Finkelhor, direktor bagi Crimes against Children Research Center, menggambarkan "penderaan seksual kanak-kanak" sebagai memerlukan dua komponen, "(1) aktiviti seksual membabitkan kanak-kanak dan (2) 'keadaan penderaan' seperti paksaan atau jurang usia yang besar antara peserta yang menunjukkan ketiadaan persetujuan." Finkelhor menulis bahawa di USA pada 1994, sekitar 20% wanita dan 5% hingga 15% lelaki telah mengalami sejenis bentuk penderaan seksual sebagai kanak-kanak dan dia tidak mendapat bukti mengenai peningkatan dramatik dalam generasi kini, atau keadaan sosial ekonomi merupakan risiko faktor utama.

Apabila orang dewasa mencari atau terbabit dalam aktiviti seksual dengan kanak-kanak, sentimen umum biasanya merumuskan bahawa tindakan ini sebagai manifestasi pedophilia, bagaimanapun sesetengah kajian yang mengkaji psikologi pesalah sek hubungan (contact sex offenders) menunjukkan bahawa kebanyakan pesalah sek hubungan bukanlah sepenuhnya atau cenderung kepada kanak-kanak. Aktivis pro-pedophile menggunakan farsa "seks dewasa-kanak-kanak" dan mengait pertahanan akademik bagi mentakrif "penderaan seksual kanak-kanak" melalui terminologi bebas-nilai (value-neutral) bagi menormalkan dan menganjur idea bahawa kanak-kanak mampu merelakan seks dengan orang dewasa dan tidak semestinya tercedera oleh perlakuan sedemikian.

Penderaan seksual kanak-kanak merangkumi :

1. Memasukkan objek atau bahagian tubuh ke dalam faraj, mulut atau dubur.
2. Menyentuh bahagian sulit.
3. Menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak.
4. Mengambil gambar kanak-kanak dalam aksi seksual.
5. Menggalakkan kanak-kanak menonton atau mendengar aksi seksual.
6. Membuat panggilan telefon lucah,
7. Merogol.
8. Melakukan seks oral.
9. Meliwat.
10. Melacurkan.
11. Mengintai.
12. Mencium.
13. Mengusap.
14. Mempamerkan aksi lucah.

Penderaan Mental Terhadap Kanak-kanak

Penderaan kanak-kanak secara emosi kurang mendapat perhatian walaupun penderaan jenis ini didapati kerap berlaku di kalangan

kanak-kanak sama ada secara berasingan atau bersama-sama dengan jenis penderaan lain. Penderaan emosi kerap terjadi dengan tidak ketara tetapi kesannya terhadap perkembangan fizikal dan mental di kalangan kanak-kanak sangat jelas sehingga memerlukan rawatan perubatan. Penderaan emosi tidak dikenal pasti dengan baik kerana tiada definisi menyeluruh yang boleh diterima pakai di peringkat antarabangsa. Ini menyebabkan kesukaran bagi seseorang untuk berseutu tentang maksud penderaan emosi.

Pada masa kini, lima kategori sikap tingkah laku buruk ibu bapa yang mampu dikelaskan sebagai penderaan mental adalah :-

1. Penolakan,
2. Pengasingan,
3. Menakutkan,
4. Sikap tidak peduli
5. Sikap merasuah fikiran.

Jika tingkah-laku tersebut berlaku secara berterusan ke atas kanak-kanak yang berisiko sehingga menyebabkan kecacatan psikologi dan emosi kanak-kanak, keadaan ini dianggap sebagai penderaan emosi. Definisi ini bergantung pada tahap perkembangan kanak-kanak dan hanya digunakan dalam konteks antara perorangan. Kelima- lima kategori sikap tingkah laku buruk ibu bapa berlaku dalam keluarga normal dan tidak normal, terutamanya dalam suasana kekeluargaan yang pincang.

Dalam keadaan ini penderaan emosi adalah akibat tertumpahnya masalah dan konflik orang dewasa kepada kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengalami penderaan sebegini telah menunjukkan pelbagai masalah sosial, emosi dan pembelajaran yang serius, lebih daripada kesan umum dalam persekitaran mereka.

LANGKAH PERLU DIAMBIL SEKIRANYA ANDA MENGETAHUI ITU ADALAH KES DERA

Kanak-kanak mungkin salah anggap kemarahan anda terhadap penderaan yang berlaku kepada mereka sebagai sesuatu yang menjijikkan. Kesabaran anda dapat membantu mengembalikan maruah mereka. Kata-kata yang meyakinkan seperti, "Kanak-kanak lain juga ada mengalami pengalaman yang sama" atau "Kita harus lakukan sesuatu," boleh mendorong mereka untuk lebih bersikap terbuka.

Kanak-kanak yang didera sering dikeliru dengan perasaan mereka, akibat daripada manipulasi yang dilakukan oleh pendera. Mereka harus dibenarkan dan digalakkan untuk menyatakan perasaan mereka. Perasaan mereka haruslah dipandang serius dan tegas. "Saya tahu ia bukan mudah untuk diterima," dan "Awak memang berani untuk mendedahkannya" dapat menyampaikan simpati, keprihatinan dan sokongan yang diperlukan oleh kanak-kanak. Membimbing kanak-kanak untuk menghadapi situasi seterusnya. Kanak-kanak yang didera berasa tidak berpuja. Mereka perlu tahu ada pihak yang sedia membantu. Mereka juga harus diberitahu apa yang perlu dilakukan, contohnya, bagaimana mengaitkan kejadian itu, siapa yang harus diberitahu dan apakah bantuan yang diperlukan.

Bercakap tentang penderaan boleh menjadi traumatik seperti mana kesan penderaan itu sendiri. Orang dewasa harus memberi sokongan kepada kanak-kanak, khususnya ketika mereka mula memberitahu, bahawa anda sentiasa membantu selagi mereka memerlukan anda, dan bersama-sama melaluinya.

Ini adalah salah satu langkah untuk mencegah kes penderaan. Lagipun, ketahuilah bahawa setiap orang mempunyai mandat untuk melaporkan semua kes penderaan sah sah atau disyaki dalam masa 48 jam di talian: **TELEDERA 1-800-883040.**